



AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti jadual di bawah :

TAJUK SEBUTHARGA	TARAF/JENIS SYARIKAT	KELAS PENDAFTARAN KELAYAKAN / DAERAH	TARIKH TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK DAN MASA	TARIKH & MASA TUTUP SEBUTHARGA
KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PEMULIHAN BILIK PENGINAPAN ARAS 1 DAN 2 MARKAS SMART DI PULAU MERANTI, SEPANG, SELANGOR	BUMIPUTRA Terbuka	CIDB Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan : B07 Berdaftar di Negeri Selangor	16 Ogos 2023 (Rabu) jam 9.00 pagi Di Dewan Makan, Aras Bawah, Bangunan Pentadbiran, Markas Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Pulau Meranti, Sepang, Selangor.	22 Ogos 2023 jam 12.00 tengah hari Di Setia Perkasa 5, Aras B1, Bahagian Khidmat Pengurusan, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan, Putrajaya.

Menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **WAJIB**. Pendaftaran untuk Taklimat dan Lawatan Tapak bermula dari **jam 9.00 pagi**. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada **Penama/Wakil Kontraktor yang sah** sahaja. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki untuk membawa **perakuan/sijil ASAL** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), serta **Sijil Taraf Bumiputra (STB)** dan mana-mana sijil yang diperlukan berserta satu (1) salinan perakuan/sijil tersebut.

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Setia Perkasa 5, Aras B1, Bahagian Khidmat Pengurusan, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan, Putrajaya** pada **22 Ogos 2023 (Rabu)** sebelum jam **12.00 tengah hari**.